




JENDELA

BULETIN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USM

Bil. 1/2, Mei 1988

Selamat Hari Raya
**** *Aidil Fitri* ****



UNTUK EDARAN KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN SAHAJA


Sekapur Sirih

Salam Sejahtera.

JENDELA kali ini kembali dengan menyatukan dua isu sebagai satu keluaran untuk tahun 1988, dengan membawa beberapa berita tentang perubahan di dalam Perpustakaan. Kebanyakan daripada kemajuan ini berkisar di sekeliling pengkomputeran seperti CD-ROM dan rancangan mengimplementasi perisian DOBIS/LIBIS. Sehubungan dengan ini diharapkan pelajar-pelajar yang telah tekun bekerja menanda label 'bar-code' telah mendapat pengalaman yang manis semasa bertugas di Perpustakaan.

Kali ini merupakan kali ketiga JENDELA bertemu para pembaca di waktu menjelang Hari Raya dan kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada semua kakitangan muslimin dan muslimat serta selamat menjamu selera kepada semua kakitangan lain.

SELAMAT HARI RAYA



KANDUNGAN

| | |
|---------------------------|----|
| Rencana | 2 |
| Hal-Ehwal Kakitangan..... | 10 |
| Personaliti..... | 11 |
| Laporan..... | 13 |
| Sumber Ilham..... | 16 |
| Berita Astaka..... | 19 |
| Sudut Resipi..... | 20 |
| Ucapan..... | 23 |

Sidang Pengarang

Sakinah Che Embi (*Ketua Pengarang*)
Akhiar Salleh
Aznar Omar
Mary Vergis
Md. Noor Din
Norma Bahri
Lim Chee Hong (*Penasihat*)

Penghargaan kepada

Cik Nazik Yusoff - Jurutaip
Puan Kalsoom Che Din - Jurutaip grafik
Cik Faridah Shahiran - Grafik kulit *JENDELA*
Encik Kirubanathan - Pelukis kartun
Encik Kamaruddin Bidin - Pencetak
Encik Ismail Abu - Pencetak

Projek Menanda Label 'Bar-Code'

*Temubual Jendela dengan Encik Thomas Samy, Pengarah
Projek Menanda Label 'Bar-Code' pada 21 April 1988.*

Pada bulan Februari 1988 projek menanda label 'bar-code' telah dimulakan. Projek ini telah dicadangkan pada bulan Februari 1986 apabila Perpustakaan memutuskan untuk membeli dan memasang perisian DOBIS/LIBIS.

Projek telah dimulakan dengan mengambil 22 orang pelajar lepasan sekolah daripada sekolah Penang Free, St. Xavier dan MBS untuk menanda label 'bar-code' bagi 271,000 buku di dalam jangka masa 3 bulan. Projek ini diketuai oleh Encik Thomas Samy dan di bantu oleh 3 orang pegawai serta 4 orang kerani untuk menyelia. Pada masa ini hampir kesemuanya telah dilabel kecuali 11,671 majalah (dicadangkan dilabel pada bulan November 1988), di samping sebanyak lebih kurang 10,000 buku yang mempunyai masalah seperti buku-buku yang tidak ada rekod label di dalam sistem. Projek ini telah berjalan dengan lancarnya dan akan tamat mengikut jadual pada akhir bulan April 1988. Mengikut Encik Thomas Samy sikap dan kecekapan pelajar pembantu telah banyak membantu dalam pencapaian matlamat ini (pelajar-pelajar ini diberi ganjaran sebanyak \$10.00 setiap hari untuk menanda label).

'Bar-code' memberi identiti yang unik untuk setiap buku. Ia mengandungi 'bars' yang dapat dibaca dengan *light pen* ataupun boleh dimasukkan ke dalam komputer mengikut angka yang dicetak di atas 'bar-code' itu. Untuk buku-buku perpustakaan, label 'bar-code' mempunyai 11 angka dan 'bar-code' untuk keahlian mempunyai 7 angka. Pada masa ini label 'bar-code' yang diwujudkan oleh mesin ini dicetak oleh sebuah syarikat di Kuala Lumpur. Tetapi ada cadangan agar percetakan label 'bar-code' ini dijalankan di Perpustakaan.

Selepas projek menanda label 'bar-code' untuk buku selesai pada akhir bulan April, penyediaan kad keahlian untuk kakitangan dan pelajar yang masih mengikuti kursus akan diuruskan. Pelajar baru akan diberi kad keahlian semasa mereka mendaftar pada sesi akademik yang akan datang.

Mengikut rancangan, 2 terminal akan dipasang di kaunter Perkhidmatan Pembaca untuk menguji kecekapan sistem. Ujian ini akan dijalankan serentak dengan sistem 'manual' yang masih akan digunakan. Cara mencop tarikh pemulangan masih lagi akan menggunakan sistem yang sedia ada walaupun sistem *on-line* digunakan dengan sepenuhnya kelak.

Encik Thomas Samy berharap semua ini akan menuju terhadap matlamat menggunakan sistem *on-line* DOBIS dengan sepenuhnya pada akhir tahun 1988.

CD-ROM

Some Questions and Answers

by
Lillian Woon

What is CD-ROM?

CD-ROM stands for compact disk read-only memory. It is an optical data storage device and was commercially introduced in January 1985 as a storage medium although research on it began as far back as the 1920s. Physically, CD-ROM disks are shiny, hand-sized, plastic disks, 4.72 inches in diameter, with a storage capacity of over 500 megabytes, which is about equal to 250,000 pages of text or 1,500 floppy disks or 50 hard disks.¹ The recording surface of these disks usually consists of acrylics bonded with metal alloys. Data is encoded by means of high intensity laser beam focused on a single spot. The pits etched on the disks are then read by a low powered laser in the CD-ROM player attached to a personal computer.² Because the laser reads digital information through a coating of plastic, the player mechanism does not touch the disk, thereby eliminating wear. It also makes it a durable product for public use.

How much does it cost?

The costs of a CD-ROM information system are relatively low. Although producing the master costs several thousand dollars, the production of the injection molded copies from the master costs from US\$10 to US\$20 each.³ CD players can be purchased for approximately US\$1,200 to interface with a microcomputer.

How is CD-ROM used in libraries?

One of the main applications of CD-ROM is in the storage of bibliographic databases as well as reference sources. Whole databases, such as ERIC and WILSONDISC (periodical indexes), can be stored on CD-ROM. The advantages are that they can be used without incurring the costs associated with online searches; they can be readily available to answer routine questions; and they can be accessed by the user without using the librarian as an intermediary. Evaluation on the InfoTrac magazine index at one university in California found that "the system is well-liked by students because they can quickly search a large database and print out citations".⁴ Full-text reference sources are also now available on CD-ROM, such as the *Grolliers Encyclopedia*, priced at US\$199. The Oxford English Dictionary is in the process of being put on disk and will retail for US\$240 compared to about US\$1,600 for the printed version.⁵ It is felt that the area of full-text storage will speedily grow because updating need not be done as frequently, and because it offers small

libraries and individuals access to information sources they normally would not be able to afford.

CD-ROM is also applicable in the *public services* area in libraries. In July 1985, Brodart introduced the Le Pac public access catalogue designed to replace the card, COM and online catalogues. It is capable of storing one million MARC formatted bibliographic records with author, title, and subject indexes. Its storage capacity can be increased to four million records, interface with most circulation control systems, and print catalog records and bibliographies. It is also a useful tool for interlibrary loan services.

In the *technical services* area, CD-ROM is also making an impact through the compact laser disc cataloging system, BiblioFile. The BiblioFile database includes all of Library of Congress' English and foreign language MARC bibliographic records and not only allows access to MARC files, but special software allows users to modify MARC data, accept original cataloging input and will even print sets of cards and labels.⁶ In the acquisitions area the LaserSearch acquisitions system used by the Ingram Book Company provides pre-order searching and book identification, order preparation, toll-free electronic ordering from Ingram and order tracking.⁷ LaserSearch can manage up to 200 fund accounts which are automatically updated. It is also compatible with BiblioFile for creating Marc records.

What are some of the problems in CD-ROM applications?

One major concern among librarians who are reluctant to invest in CD-ROM technology is the lack of standards. At present there are two distinct kinds of CD-ROM disk standards - physical recording standards and file format standards. Since Philips and Sony are the owners of compact disk technology, they set and enforced physical recording standards through world-wide licensing agreements. However, file format standards, which cover how CD-ROM information files are organized and reported to the drive and microComputer are not specified. This had led to chaos, with each vendor setting different format standards. In late 1985, a voluntary industry group known as the High Sierra Group was formed to address this problem and they formulated a logical file format standard that is recognizable by all CD-ROM players so that disks and software may be used interchangeably. This has been submitted to the National Information Standards Organization which is now working on a file format standard to be officially published in early 1988.⁸

In terms of usage, there is still the limitation posed by CD-ROM being a single user system, and is limited to the amount of information on one disk. But, it is now possible for CD drives to be "daisy-chained" (connected together) to allow access to more than one drive per computer, as utilized in the Spectrum m/100 or BiblioFile systems.⁹

From the users' perspective, it is also likely that a dependence on CD-ROM database searching may result. The convenience of using CD-ROM and the ease of searching, may blind users to the weaknesses associated with "online" searching, for instance, the fallacy that the database hold all the information that is available on a particular topic. There is also the problem that CDs are not as current as online databases, and the use of floppy disks as supplements may be cumbersome.

What is coming up next in CD-ROM technology?

Research on the possibility of storing several different CD-ROM in a central location which may be called up by number is being conducted.¹⁰ This innovation could take the library out of the building and into the home of the user via optical fiber telephone lines. With full-text databases, subscribers could get a copy of every magazine or journal published every month on a high density CD-ROM on their personal computers. Other developments under research include WORM (Write Once, Read Many) and erasable DRAW (Direct Read After Write) which allow users to input original data to create their own CDs.

Once the file format standards are implemented, it will also be possible for libraries to exchange resources in a uniform manner through low-cost networks, an important consideration for libraries in Southeast Asia which may not be able to afford the expenses of a sophisticated computerized information network.

REFERENCES

- ¹Carolyn Dodson, "CD-ROMs for the Library", *Special Libraries*, 78 (Summer 1987): 191.
- ²Mary Tonne Schaefer, "1985 Promises Major Advances in Information Handling with Laser Optical Disk Technology", *Information Retrieval & Library Automation* 20 (January 1985): 2.
- ³Dodson: 191.
- ⁴Kent Stephens, "InfoTrac: Laserdisc Technology Enters Mainstream", *American Libraries* 17 (April 1980): 252.
- ⁵Francis X. Clines, "Dictionary Bytes Tradition", *Honolulu Star Bulletin*, 19 October 1987, sec. B, p.1.
- ⁶Nancy Herther, "CD-ROM Technology: a New Era for Information Storage and Retrieval?" *Online* 9 (November 1985): 17.
- ⁷"Library Automation Update", *American Libraries* (April 1986): 249.
- ⁸Carol Fenichel, "For Optical Disks and Information Retrieval the Time is Now", *Database* 9: 8.
- ⁹Shannon Smithe Saviers, "Reflections on CD-ROM: Bridging the Gap Between Technology and Purpose", *Special Libraries*, 78 (Fall 1987): 288.
- ¹⁰Herther: 19.

Mengenal Perpustakaan Media Pusat Teknologi Pendidikan dan Media

oleh
Norma Bahari

Laporan Perpustakaan Media, Pusat Teknologi Pendidikan dan Media ini ialah untuk memberi publisiti kepada **bahan-bahan dan perkhidmatannya**, menarik perhatian kepada perkembangan baru dan **rancangan masa hadapannya** serta untuk menjemput komen daripada rakan sejawat dan pembaca.

Perpustakaan Media yang terletak di bangunan D11, Pusat Teknologi Pendidikan dan Media sekarang berusia 14 tahun. Ia merupakan cawangan di dalam sistem Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Kini dikendalikan oleh 4 orang kakitangan, iaitu seorang Penolong Pustakawan, seorang kerani, seorang jurutaip dan seorang atendan.

Matlamat dan fungsi

Matlamat utama Perpustakaan Media ialah untuk membantu di dalam latihan pelajar pendidikan supaya mereka menjadi guru yang lebih berkesan.

Di dalam pencapaian matlamat ini, Perpustakaan Media mempunyai dua fungsi yang asas:

1. Perpustakaan Media memperolehi pelbagai jenis bahan pandang dengar untuk menolong pelajar menjadi lebih sedar terhadap berbagai-bagai bentuk media dan bagaimana bahan-bahan ini boleh digunakan di dalam situasi pengajaran tertentu. Pengetahuan dan kecekapan ini membolehkan mereka menyediakan bahan-bahan media dengan sendiri. Perpustakaan juga memelihara dan menyimpan contoh-contoh projek bekas pelajar untuk dijadikan contoh kepada pelajar baru.
2. Menyimpan berbagai jenis alat media untuk memberi pengalaman praktik kepada pelajar pendidikan di dalam pengendalian alat-alat itu.

Perpustakaan Media bukan hanya memberi perkhidmatan kepada pelajar dan pensyarah pendidikan sahaja, tetapi juga kepada seluruh masyarakat kampus, khasnya pelajar di dalam bidang komunikasi massa. Peraturan am Perpustakaan cawangan ini selaras dengan peraturan am Perpustakaan Utama.

Bahan/Alat yang sedia ada

Sejak penubuhan Perpustakaan Media ini, koleksi pandang dengar kian bertambah dan sekarang berjumlah lebih daripada 26,000 bahan (3,286 tajuk). Kebanyakan bahan ialah di peringkat guru mengajar murid, baik yang dibeli atau buatan pelajar. Bahan lain termasuk dokumentari rakaman dari udara dan bahan tentang teknologi pendidikan. Koleksi yang agak penting juga ialah bahan penerbitan Pusat atau Universiti sendiri.

Kebanyakan kategori bahan-bahan bukan buku terdapat di dalam koleksi ini termasuk filem bergerak seperti filem jalur, filem 16 mm, filemloop dan pita video; rakaman suara, kaset dan pita gulung; kit pelbagai media seperti program pita-filem jalur dan pita-slaid; permainan, disket komputer dan carta.

Senarai alatan di Perpustakaan Media termasuk 6 buah mikrokomputer (IBM, NEC, Apple), 2 buah projektor filem 16 mm, 3 buah projektor slaid, 3 buah projektor filem jalur, 4 buah perakam video (VHS, Betamax), 9 buah perakam suara kotak menayang slaid dan lain-lain.

Pemilihan, perolehan dan pengkatalogan bahan

Pemilihan dibuat oleh pensyarah Pusat Teknologi Pendidikan dan Media, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dan Penolong Pustakawan.

Aktiviti ini sedang dijalankan dengan Penolong Pustakawan menyemak dengan teliti bahan-bahan yang telah dikenalpastikan sebagai sumber untuk bahan-bahan pandang dengar, menyelaraskan aktiviti pensyarah-pustakawan di dalam aspek ini dan mengadakan perbincangan bila perlu.

Perolehan dilakukan oleh Bahagian Perolehan Perpustakaan Utama yang akan menghantar bahan-bahan kepada Perpustakaan Media sebaik sahaja diterima daripada pembekal.

Pada mulanya semua bahan dikatalog menggunakan AACR1, tidak diklasifikasi dan disusun mengikut nombor perolehan. Kerja-kerja peralihan kepada AACR2 telah selesai dilakukan pada tahun 1985. Kesemua bahan diklasifikasikan kecuali filem 16 mm, carta/model buatan pelajar yang masih menggunakan nombor perolehan.

Katalog Perpustakaan Media bermula di dalam bentuk kad. Ikutan daripada ini ialah cetakan komputer yang terpaksa dihentikan apabila menjadi terlalu tebal. Katalog sekarang di dalam bentuk Comfis. Termasuknya bahan-bahan pandang dengar di dalam katalog kamus Comfis bermakna pengguna yang mencari bahan-bahan di dalam sesuatu

perkara itu akan juga sedar akan semua jenis bahan yang sedia ada, tidak kira bentuk fizikalnya.

Walaupun katalog utama Perpustakaan Media merupakan Comfis, tetapi beberapa senarai cetakan komputer disediakan mengikut format bahan, sebab pengguna juga perlu mengakses melalui format/ bentuk fizikal bahan-bahan media.

Untuk memberi lebih publisiti kepada koleksi ini suatu bibliografi bercetak telah dikeluarkan pada pertengahan tahun 1985 yang menyenaraikan bahan-bahan mengikut tajuk perkara. Seelok-eloknya setiap entri patut mempunyai ringkasan tetapi disebabkan kekurangan tenaga kerja, tidak dapat disempurnakan sedemikian.

Perkhidmatan

Perkhidmatan yang diberi ialah:

Pinjaman bahan media - Merupakan perkhidmatan terpenting sekali. Statistik pinjaman meningkat tahun demi tahun yang menunjukkan kehairahan pelajar di dalam penggunaan media. Ini tren yang amat menggalakkan sekali.

Penggunaan bahan media dengan alat-alat(mesin) di dalam Perpustakaan
Sebilangan besar pelajar juga menonton bahan media dengan menggunakan mesin-mesin yang ada. Juga tidak dapat dinafikan bahawa statistik penggunaan karel juga meningkat dengan adanya 6 buah mikrokomputer. Kesesakan penggunaan mesin lebih ketara lagi apabila pelajar sibuk dengan tugas/projek mereka. Penontonan boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan tetapi kumpulan yang besar digalakkan mengguna bilik tayangan yang bertempat berhadapan Perpustakaan Media.

Penggunaan bilik audio - Semua perakam audio diletakkan di dalam bilik ini bersama radio dan pemain piring hitam. Perkhidmatan rakaman siaran radio pendidikan ke sekolah-sekolah dikendalikan dari sini. Sejauh yang boleh, pelajar digalakkan berdikari di dalam menjalankan aktiviti di bilik audio. Perkembangan baru ialah dengan penubuhan bangunan tambahan Pusat, 2 buah studio bunyi telah dibina yang akan mengambil alih mesin-mesin yang sedia ada di bilik audio. Dengan ini bilik audio akan diubahsuaikan menjadi bilik komputer. Karel-karel yang dikosongkan oleh komputer akan dapat memuatkan mesin-mesin baru (terutama perakam video) yang perlu diperolehi.

Rujukan dan penerangan - Banyak pertanyaan dibuat oleh pengguna di kaunter dan seberapa yang boleh kakitangan akan cuba menjawab dengan tepat. Untuk pertanyaan rujukan yang mendalam, Penolong Pustakawan akan mengendalikannya sendiri

ataupun meminta kerjasama Bahagian Rujukan Perpustakaan Utama. Seringkali juga khidmat nasihat diberi kepada guru-guru sekolah tentang penubuhan dan pengendalian pusat sumber.

Perkhidmatan kepada institusi lain - Perkhidmatan pinjaman bahan-bahan dipanjangkan kepada sekolah/maktab dan sebagainya, terutama yang di kawasan utara negara. Walaupun syarat tertentu dikenakan dan kurang publisiti tentang perkhidmatan ini, diharapkan lebih ramai guru-guru sekolah akan mengambil kesempatan meminjam dan menggunakan bahan-bahan media di dalam mendidik murid-murid mereka. Suatu aktiviti tahunan yang dilakukan oleh Perpustakaan Media ialah pembahagian carta/model berlebihan kepada Jabatan Pendidikan Pulau Pinang yang akan mengagihkannya kepada sekolah-sekolah yang memerlukannya.

Pinjaman buku teks sekolah/sukatan pelajaran/nota dan rancangan pelajaran/manual maklumat teknik - Status perkhidmatan ini sekarang diadakan hanya sekadar sambilan kepada perkhidmatan pinjaman koleksi utama bahan-bahan media.

Masalah yang dihadapi

Ruang Perpustakaan Media sejak penubuhannya tidak pernah ditokoktambahkan daripada ukuran 1,800 kaki perseginya. Walaupun telah dicadangkan beberapa kali untuk menambahkan ruangnya namun tinggal cadangan sahaja. Keadaan sekarang dirasakan sempit dan tidak memuaskan sebab seringkali pengguna terpaksa menunggu giliran untuk menggunakan mesin. Bahan-bahan media juga tidak dapat diorganisasikan secara akses terbuka dengan sempurna. Pembahagian bahan-bahan media (buatan pelajar) terpaksa dibuat sebab tiada ruang lagi untuk menambahkan kabinet-kabinet berkenaan.

Rancangan masa hadapan

Diharapkan penambahan ruang akan dapat dilakukan seberapa segera untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Pemindahan bilik audio ialah satu langkah yang telah diambil yang merupakan "relief" sementara sahaja. Apabila bangunan tambahan Pusat yang baru menjadi satu realiti, kemungkinan besar Perpustakaan Media dapat menambah ruangnya dengan sempurna. Mungkin cita-cita untuk menjadikannya sebagai pusat sumber (pendidikan) negara dapat dicapai.

Penutup

Saya harap laporan ini sedikit sebanyak telah memberi penerangan ringkas dasar masakini dan amalan/praktis berkenaan bahan-bahan di Perpustakaan Media. Kami sedia mendengar daripada pembaca kritik/cadangan mengenai penyediaan perkhidmatan bahagian pandang dengar ini yang diharap dapat mempergiatkan lagi penggunaan teknologi pendidikan di semua peringkat.

Pembaca dipersilakan menghantar komen kepada Penolong Pustakawan, Perpustakaan Media, Pusat Teknologi Pendidikan & Media.

Hal-Ehwal Kakitangan

Kakitangan Baru

1. Puan Zainab Abdul Kader
*Ketua Penolong Pustakawan
Bahagian Latihan, Projek dan Penyelidikan
Mula berkhidmat pada 3 Mac 1988*
2. Abd. Rashid Mohd Ali
*Penjilid buku
Bahagian Bahan-Bahan Bersiri dan Dokumen
Mula berkhidmat pada 15 Februari 1988*

Tamat Tempoh Perkhidmatan

1. Puan Zauyah Saad
*Operator Pemprosesan Data
Projek MALMARC
Tamat perkhidmatan pada 31 Mac 1988*
2. Cik Ramnah Ramli
*Kerani
Projek MALMARC
Tamat perkhidmatan pada 14 Mei 1988*



KHATIJAH HAJI DIN

Berkaca mata berproton saga
Berkebaya labuh kemas bergaya
Tekun bekerja rajin berusaha
Pingat cemerlang Khatijah dah punya

Sepanjang perkhidmatannya selama 10 tahun sebagai jurutaip dan 7 tahun sebagai operator pemprosesan data, Khatijah Haji Din mempunyai kenangan manis apabila mendapat pingat perkhidmatan cemerlang pada tahun 1986. Beliau bersyukur kerana segala tenaga yang dicurahkan mendapat penghormatan, walaupun tidak pernah tersirat di hatinya untuk mendapatkan itu semua.

Khatijah yang mendapat pendidikan sehingga tingkatan lima ini berprinsip tegas di dalam setiap kata-kata yang diucapkannya. Ketegasan perlu untuknya kerana beliau kini merupakan ketua dan tempat mengadu kepada adik-adiknya yang seramai lima orang, setelah kedua orang tuanya pergi untuk selama-lamanya... saat-saat paling sedih di dalam hidupnya. Kesedihan itu bertambah lagi dirasakannya apabila saja takbir Raya bergema.

Walaupun kini Khatijah sudah boleh bersenang hati kerana kesemua adiknya telah bekerja dan berumah tangga tetapi beliau berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki kehidupannya "...hendak kumpul wang banyak-banyak ...tua nanti senang..." katanya bila ditanya tentang cita-citanya.

Waktu lapangnya Khatijah suka mengumpul fesyen pakaian daripada keratan akhbar dan majalah. Beliau yang meminati artis Noorkumalasari ini suka mendengar muzik jazz. Tentang fesyen pakaian pula, warna-warna yang terang menjadi pilihannya.

Khatijah yang dilahirkan di Tanjong Tokong, Pulau Pinang dan bernaung di bawah zodiak Gemini ini mempunyai hobi memasak... jadi kalau sesiapa yang malas untuk memasak di dalam bulan puasa ini bolehlah tumpang makan di rumahnya.

SZE TOO YU TIT

Pada 5 Ogos 1961, pasangan suami isteri Sze Too Yoong Soon dan Ng Pek Ying telah dikurniakan seorang anak lelaki yang kemudiannya diberi nama Sze Too Yu Tit - suatu nama yang unik... seunik personalitinya.

Pertama kali mengenali Sze Too, mungkin ramai yang akan menganggapnya seorang yang bersifat serius atau sombong, tetapi apabila telah lama bergaul dengan beliau, pasti merasakan ada suatu keunikan kerana Sze Too juga pandai berjenaka dan bergurau serta paling senang mendapatkan bantuannya terutama di dalam masalah komputer. Walau bagaimanapun kita mungkin terpaksa bercakap 10 perkataan untuk membolehkan satu perkataan keluar daripada mulut Sze Too ... itupun sudah kira O.K... kalau tidak anda mungkin hanya dihadiahkan dengan senyuman sahaja.

Sze Too menerima ijazah Sarjana Muda Sains dengan kepujian di dalam bidang Sains Komputer daripada Universiti Sains Malaysia pada tahun 1985. Beliau yang kini menjawat jawatan Pegawai Tadbir di Bahagian Automasi dan Penyelidikan pernah bertugas sebagai Juruanalisa Sistem di Pusat Penyelidikan Dasar selama enam bulan. Walaupun sudah lebih daripada dua tahun dipertanggungjawabkan memasang dan menyelenggarakan DOBIS untuk kegunaan perpustakaan, namun masih ramai lagi yang kurang mengenali beliau.

Sze Too mendapat pendidikan awal dan menengah di Sekolah Rendah dan Menengah Tunku Putera, Baling. Selepas itu beliau belajar di Sekolah Menengah Ibrahim, Sungai Petani di dalam tingkatan enam sebelum melanjutkan pelajarannya di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1981.

Pemuda berusia 27 tahun ini menghabiskan masa lapangnya sama ada dengan membaca, mendengar muzik ataupun menonton TV/Video. Sekiranya bosan duduk di rumah, Sze Too akan keluar untuk menonton di Panggung Wayang ataupun bermain skuasy.

Sze Too yang sukakan laksa dan minuman air tembikai meminati muzik orkestra dan lagu-lagu sentimental, terutamanya oleh *Art Garfunkel* .

Apabila ditanyakan tentang beberapa perkara jawapannya seperti berikut:

| | |
|--------------------------|--|
| Pengalaman manis/pahit | - "tak ada" |
| Orang yang ingin ditemui | - "tak ada" |
| Warna kegemaran | - senyum |
| Wanita yang diminati | - senyum - nampak gigi |
| Falsafah hidup | - "kena tengok di dalam <i>hard disk</i> " |

Laporan

Bahagian Latihan, Projek dan Penyelidikan

Bahagian ini mula berfungsi pada 3 Mac 1988. Objektif Bahagian ini ialah untuk merancang program latihan yang teratur untuk kakitangan perpustakaan sama ada kakitangan profesional atau kakitangan am. Bahagian ini juga akan menjalankan dan mengkoordinasikan projek dan penyelidikan tentang perpustakaan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.

Orang yang diberi tanggungjawab untuk mengendalikan Bahagian ini ialah Puan Zainab Abdul Kader. Beliau yang sebelum ini bertugas di Perpustakaan Bank Negara Malaysia, dipinjamkan ke Perpustakaan Universiti Sains Malaysia mulai Mac 1988 selama 5 tahun.

Bahagian ini meliputi bidang seperti berikut:

Latihan - Program latihan yang dirancang akan mengambil kira aspek meningkatkan moral dan kerjaya kakitangan. Latihan diadakan di dalam bentuk kursus, bengkel, seminar, dialog, tayangan gambar/video dan sebagainya.

Projek dan Penyelidikan - Selain daripada Bahagian ini, bahagian-bahagian lain di Perpustakaan ada juga menjalankan projek dan penyelidikan. Oleh kerana itu tugas Bahagian ini juga ialah untuk mengkoordinasikan kerja-kerja yang dijalankan oleh bahagian-bahagian tersebut. Tujuannya ialah supaya segala projek penyelidikan yang dibuat dapat disalurkan dan jika ada yang berkaitan, bahagian tersebut dapat bekerjasama untuk menjayakannya.

Kerjasama dengan pihak lain - Sebagaimana termaklum, jabatan-jabatan lain di USM juga mempunyai projek latihan untuk kakitangannya, misalnya Jabatan Pendaftar dan Pusat Komputer. Bahagian ini akan bekerjasama dan mengambil kira latihan yang diberi oleh pihak-pihak tersebut. Pakar-pakar luar juga akan diundang untuk menjalankan latihan yang unik untuk perpustakaan.

Sumber Uham

SURAT JINGGA

"Tahun pertama?"

"Ya"

"Kenapa?"

"Tak ada apa-apa"

Kerani yang bertugas di kaunter Sirkulasi itu mengerling sinis padanya. Sambil memasukkan buku ke dalam beg, Salmah terus mendapatkan sebuah meja di sebelah kiri sudut perpustakaan. Lokasi seperti inilah yang amat disukainya, bukan sahaja kurang terdedah kepada gangguan lalu-lalang, malah berdekatan pula dengan Koleksi Bahasa Malaysia. Koleksi yang amat popular kepada penuntut, terutama yang berjurusan Sains Kemasyarakatan sepertinya.

Petang itu penuntut terlalu ramai, tidak seperti selalu. Masih ramai lagi yang sedang masuk. Di luar cuaca sungguh panas. Tak nampak pun tanda-tanda redup apatah lagi hujan. Walaupun alat pendingin hawa dihidupkan namun bahang panas di perpustakaan itu masih terasa menikam. Kesesakan penuntut memanaskan lagi udara di sekeliling.

Seperti biasa setelah habis kuliah, Salmah ke perpustakaan. Hanya perpustakaan sahajalah tempat yang menjadi tumpuan, selain daripada dewan kuliah. Tak usahlah carinya di mana-mana. Kalau dia tak ke Perpustakaan, paling tidak dia akan memerap di katil meneliti nota atau membaca fiksyen. Jarang sekali dia memenuhi masa lapangnya di luar. Turun ke padang pun dia agak malas. Cuma jika kawan-kawannya mendesak sangat baru dia turun. Demikianlah diari hidupnya sejak sebulan lepas ketika Salmah menjejak kaki ke menara gading ini.

Hari ini dia mesti menyiapkan satu tugas mengenai perkembangan sastera nusantara untuk diserahkan pada keesokan pagi. Inilah tugas pertamanya. Dia amat bimbang kalau tak dapat menyiapkan hari ini. Apa alasan yang akan diberikannya nanti. Sedangkan dia bukanlah orang yang pandai beralasan.

Salmah terus mengejar waktu. Kadang-kadang bangun ke rak membelek buku. Kadang-kadang pula kelihatan mencatat sesuatu di telapak tangan, kemudian tergesa-gesa kembali ke tempatnya. Dia nampak macam tak kena saja. Perbuatan Salmah diperhatikan oleh sekumpulan penuntut yang duduk tidak jauh dari situ. Bualan mereka kadang-kadang mengganggu Salmah. Dia menjadi bertambah cemburu bila sesekali kedengaran gelak ketawa kecil datang dari arah mereka. Agaknya mereka semua telah selesai tugas masing-masing. Mereka kelihatan *relax* saja.

Salmah terus dengan notanya. Biar apa orang kata, peduli apa pada mereka.

"Kalau aku tak siap esei ini depa apa tau" bisik hati kecilnya.

Dari jauh Salmah kelihatan serba salah, serba tak kena. Telah tiga kali dia cuba membuat esei. Semuanya tak menjadi, tak kena. Semuanya dikeronyokkan ke dalam bakul sampah. Dia menyelak-nyelakkan rambutnya yang terurai mencecah bahu. Keayuannya sebagai gadis kampung jelas kelihatan di wajahnya. Dia cuba menghilangkan kepanasan yang menikam. Sesekali dia menongkatkan dagu memikirkan sesuatu. Sesekali kelihatan seperti termenung jauh.

Telah banyak nota diambil. Telah banyak buku yang dirujuknya. Namun demikian masih gagal membuat esei yang memuaskan. Dia cuba membaca balik esei keempatnya yang separuh siap. Masih banyak yang perlu dibetulkan.

"Ah, banyak tak kena, banyak yang tertinggal", rungut Salmah seorang diri. Esei itu akhirnya menerima nasib yang sama diperonyok ke dalam bakul sampah. Salmah terus mengemaskan meja dan menuju ke pintu keluar. Fikirannya berkecamuk. Hatinya tak menentu. Dirinya terasa bagai tergantung di awangan. Badannya mulai letih. Keletihan

sehari suntuk di bilik kuliah dan perpustakaan membuatkan kepalanya terasa pening-pening.

Di pertengahan jalan Salmah bertembung dengan Hasnah dan Siti, kawan rapatnya yang sealiran.

"Eh Salmah, tergesa-gesa nampak, apa hal?, seorang daripada mereka bersuara.

"Tak ada apa-apa."

"Cuma badanku ni rasa tak sihat."

"Aku nak cepat ni, tinggal dulu", Terang Salmah lagi sambil berlari-lari anak.

Beg yang digalas di bahu kanannya terhoyong-hayang mengikut rentak lariannya. Beg itu merupakan hadiah daripada Murad, anak sulung Tok Penghulu Deraman di kampung. Walaupun hubungan mereka tidak disukai oleh ibu Murad, namun begitu sejak dia berada di sini, telah tiga pucuk surat diterimanya daripada Murad. Dia begitu bangga dan cukup senang hati dengan kunjungan surat-surat itu. Semua surat itu disimpannya baik-baik di bawah tilam. Bila terkenang kampung halaman, dia membaca kembali surat-surat itu. Hatinya terhibur, kerinduannya terubat.

Terbayang dia pada kehijauan padi. Dahan-dahan kelapa meliuk-lambai ditiup angin. Kicauan burung seolah-olah memanggilnya pulang. Anak-anak jiran riang bermain di sungai. Bila musim padi masak, orang kampung semuanya sibuk menuai. Petak-petak sawah yang kosong takkan dibiarkan begitu sahaja. Ada saja ragamnya. Kalau tidak dilatami oleh kenakalan tapak kaki kanak-kanak bermain sepak raga, paling tidak tiga empat orang bermain layang-layang. Bila semua petak-petak sawah kosong, kewujudan mereka seperti ada pesta lagaknya.

Teringat Salmah suatu petang di kampung. Cuaca pada hari itu sungguh baik. Angin yang bertiup dari arah Bukit Cini di ufuk barat cukup menyegarkan. Saat itu tak dapat dilupakannya. Dia ditakdirkan bertemu dengan Murad di dalam kesibukan dan kegirangan suasana ketika itu. Dia bersama ibu dan adik bongsunya sedang asyik melihat kanak-kanak bermain. Sambil itu dia membaca buku, maklumlah peperiksaan STPM tak berapa minggu lagi. Dia berazam untuk mendapat kejayaan yang cemerlang. Entah macam mana tergerak hatinya untuk turun serta bermain dengan kanak-kanak tersebut. Kebetulan ketika itu Murad sedang menolong seorang budak menaikkan layang-layang. Undur punya undur Murad tersentuh bahunya. Sejak itu mereka saling kenal mengenal antara satu sama lain. Salmah juga sering bertemu dengan Murad di pertengahan jalan untuk ke surau mendengar Haji Kamal mengajar agama.

Bila terkenang kisah-kisah lamanya di kampung, Salmah bertambah rindu untuk balik. Walaupun baru sebulan dia berada di sini rasanya seperti telah berjauhan setahun daripada kampung halaman. Dia rasa macam nak balik malam ini juga. Tak sabar menunggu cuti semester yang masih jauh lagi.

"Sal, ada sepucuk surat untuk kau", Rogayah rakan sebiliknya bersuara sebaik saja Salmah sampai di muka pintu.

"Aku letakkan di atas meja tu".

"Oh ya Sal, Aku nak ke perpustakaan ni. Aku mungkin balik lewat sikit. Kau tak payahlah susah-susah tunggu aku", beritahunya lagi lalu meninggalkan Salmah seorang diri.

Salmah terus menutup pintu. Tanpa menyalin pakaian dia merebahkan badan di atas katil. Kipas angin yang ligat berputar di atas kepalanya mengurangkan sedikit ketegangan yang dirasainya. Surat untuknya itu tak pun disentuh. Dia terlalu letih sekali dan terus tertidur.

"Salmah, bangun Salmah! kau belum mandi lagi. Nanti terlambat pula kita" Suara keras menerpa ke arah telinganya. Dia cuba-cuba membuka mata. Mula-mula dilihatnya Rogayah kawan sebiliknya, tetapi setelah diamati-amati dan setelah dia berada di dalam alam nyata, baru dia yakin yang ada di hadapannya sekarang ia ibunya sendiri. Seperti selalu pada waktu petang dia bersama ibunya ke sawah. Hanya waktu petang sajalah dia dapat membantu ibunya menguruskan sawah peninggalan aruah ayahnya sejak tiga tahun lepas kerana waktu pagi dia mesti memasak dan mengemaskan rumah.

Salmah menoleh ke atas. Tak nampak pun kipas angin. Yang ada hanya cahaya-cahaya merah kekuning-kuningan mencuri masuk di celah-celah atap nipah.

Ibunya telah pun beredar ke dapur menjerang air. Sambil duduk dia menoleh ke kanan. Dilihatnya sepucuk surat jingga sedia menanti untuk dibuka. Dia dengan malas membelek-belek surat itu.

Belum pun sempat membukanya, ibunya bersuara dari dapur.

"Songhat tu baru tak sat posmen hantak, katanya daripada Universiti Sains Malaysia"

"Cuba hang baca deghaih sikit emak nak dengak sama", Mak Teh merapatkan telinganya sambil membetulkan duduknya.

Salmah begitu tak berminat dengan surat di tangannya. Dia buat acuh tak acuh saja. Melihat sikap Salmah demikian, Mak Teh tak sabar menanti. Dia lantas membuka surat itu sendiri.

"Eh Sal! kau dapat masuk universiti", Mak Teh meninggikan suaranya kemudian terus memeluk Salmah. Dia begitu gembira, tak dapat nak dibayangkan. Penat lelahnya selama ini menyara hidup sekeluarga tak sia-sia. Dengan tulang dua kerat yang agak lemah sebagai wanita yang separuh abad, dia masih mampu menyekolahkan ketiga-tiga anaknya, dan kini dia akan lebih gigih lagi bekerja mencari wang untuk perbelanjaan Salmah belajar di universiti.

Tiba-tiba dalam kenekatannya itu, Salmah bersuara, "Mak, Sal tak nak ke universiti", Bagaikan halilintar membelah bumi Mak Teh tercenggang. Dia terpaksa, surat jingga di tangannya perlahan-lahan meluncur ke bawah. Salmah tunduk membisu.

Amira H

Cerpin ini adalah rekaan penulis semata dan tak ada kena-mengena dengan sesiapa pun. Segala kebetulan peristiwa dan watak serta nama tidak ditujukan kepada sesiapa pun.

The Publisher is my tormentor, I shall not smile;
He maketh me to work all the day at my desk.
He leadeth me astray with misnumbered issues;
His Roman numerals confound me;
He changeth titles over and over for his own sake.
Yea, when I walk through the shadow of missing or irregular
issues, I can find no respite, for he hath moved;
He answereth not my letters nor useth the correct mailing label;
He starteth not when I ask and quitteth before it is time;
My work never endeth;
Rising prices and duplicate issues shall follow me all the days of
my life;
and I shall moan and groan in the library forever.

- composed by Mary Maker, coordinator of serials and
acquisitions at Missouri Western State College

(JENDELA bersimpati kepada Cik Tang Wang Fong, Ketua
Bahagian Bahan-Bahan Bersiri dan Dokumen)

Berita **ASTAKA**

Pertandingan Badminton Tertutup

Pertandingan Badminton tertutup Astaka telah berlangsung pada 20 Mac 1988. Pertandingan ini terbuka kepada kakitangan Perpustakaan saja. Seramai 26 orang peserta telah mengambil bahagian termasuk peserta wanita. Permainan tersebut bermula pada jam 9.00 pagi dan tamat kira-kira pukul 2 petang. Keputusan pertandingan tersebut seperti berikut:

Johan: *Zainordin Abd. Rahman /Mohd. Hassan Hashim*

Naib Johan: *Ahmad Nasaruddin Ahmad/Borhan Yaman*

Ketiga: *Omar Charkim/Abd. Akla Wan Ismail*

Perempuan: *Faridah Shahiran/Ramnah Ramli*

Pertandingan Karem Tertutup

Pertandingan karem tertutup antara kakitangan perpustakaan telah diadakan pada 18 Januari hingga 6 Februari 1988. Seramai 36 orang peserta telah mengambil bahagian. Pertandingan yang dianjurkan oleh ASTAKA buat kali kedua ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Keputusan pertandingan tersebut seperti berikut:

Johan: *Kamarudin Bidin*

Kedua: *Mohd. Hassan Hashim*

Ketiga: *Kamal Puteh*

Keempat: *Mohd. Suhaimi Fadzin*

Jamuan teh perpisahan/selamat datang

Pada 8 April 1988, ASTAKA telah mengadakan jamuan perpisahan kepada Puan Zauiyah Saad dan Cik Ramnah Ramli kerana mereka telah tamat perkhidmatan di bawah projek Malmarc. Di samping itu ASTAKA juga meraikan kedatangan kakitangan baru, iaitu Puan Zainab Abdul Kader.

Sudut Resipi

(Istimewa untuk Hari Raya)

KEK KUKUS

(Cara Putar - *Creaming Method*)

- 1 lb (500 g) atau 1 kotak buah-buahan (mixed fruit)
- 1 cawan (155 g) gula kasar (dihanguskan)
- 3/4 butir buah pala (diparut)
- 4 camca teh rata *cream of tartar*
- 1 lb(500 g) mentega
- 9 1/2 oz (300 g) gula halus
- 18 oz (600 g) tepung gandum
- 5 biji telur
- 2 camca teh vanilla
- 2 camca teh air limau oren
- 2 camca teh rata *bicarbonate of soda*

1. Ayak tepung dengan *cream of tartar* dan *bicarbonate of soda*.
2. Parut buah pala.
3. Buah-buahan digaul dengan tepung.
4. Pukul mentega dengan gula hingga kembang.
5. Masukkan telur sebiji demi sebiji.
6. Masukkan tepung, buah-buahan dan gaul hingga rata.
7. Masukkan gula hangus yang panas dan kacau cepat-cepat.
8. Masukkan ke dalam acuan dan kukus selama 4 jam.

Peringatan:

1. Air penambah kukusan mestilah air panas.
2. Tutup bahagian atas acuan dengan kertas minyak atau kain maslin, sebelum dikukus.

BISKUT SANDWIC

(Cara Putar - *Creaming Method*)

Lapisan bawah:

- 8 oz (250 g) tepung gandum
- 4 oz (125 g) marjerin
- 1 biji telur ayam
- 1 oz (30 g) gula hangus

1. Campurkan marjerin dan gula. Kacau.
2. Masukkan telur. Bubuh tepung dan gaul hingga rata.
3. Masukkan di dalam loyang pembakar. Ratakan setebal 3/4 inci.

Lapisan tengah:

6 oz (190 g) buah-buahan kering(mixed fruit)
sedikit jem

1. Cincang buah-buahan dan sapukan jem di atas adunan tadi.
2. Taburkan buah-buahan rata-rata.

Lapisan atas:

4 oz (125 g) marjerin
4 oz (125 g) tepung beras
1 oz (30 g) tepung gandum
4 oz (125 g) gula hangus
2 biji telur ayam
1/2 camca teh esen vanila
3 oz (95 g) badam (cincang dan goreng tanpa minyak)

1. Gaulkan marjerin dan gula. Masukkan esen vanila, telur, tepung beras dan gandum.
2. Kacau hingga sebat.
3. Ratakan adunan ke atas buah-buahan tadi dan taburkan badam.
4. Bakar hingga kuning.

CHOCOLATE VALENTINE

(Cara Putar - *Creaming Method*)

1 batang *chocolate bar*
2 oz (60 g) raisin (kismis hitam)
2 oz (60 g) marjerin
1 biji telur
2 oz (60 g) ceri
2 oz (60 g) buah gajus
4 oz (125 g) gula *caster*
4 oz (125 g) kelapa parut

1. Patah-patahkan coklat, masukkan ke dalam mangkuk yang direndam di dalam air panas.
Kacau hingga kembang.
2. Angkat coklat dan tuang ke dalam tin pembakar dengan rata meliputi tapak tin pembakar.
3. Basuh ceri. Cincang raisin dan gajus.
4. Putar marjerin dan gula hingga kembang.
5. Masukkan telur yang telah dipukul sedikit demi sedikit.
6. Gaul ceri, raisin, gajus dan kelapa.
7. Ratakan di atas tin pembakar yang berisi coklat.
8. Bakar selama 30 - 35 minit.
9. Sejukkan dan baru dipotong-potong.

BADAM KELAPA

(Cara Ramas dan Gaul - *Rubbing-in-Method*)

- 8 oz (250 g) tepung naik sendiri
- 4 oz (125 g) mentega
- 4 oz (125 g) gula *caster*
- 3 oz (95 g) kelapa parut (1 oz untuk ditabur)
- 2 oz (60 g) badam bertumbuk halus
- 1 biji telur (diasingkan putihnya)
- 1 oz (30 g) badam cincang (untuk hiasan)

1. Gaulkan mentega dengan tepung menggunakan hujung jari hingga seperti habuk roti.
2. Campurkan gula, badam bertumbuk, kelapa parut dan telur. Uli perlahan dan canai nipis-nipis.
3. Terap adunan mengikut bentuk yang dikehendaki dan sapukan putih telur yang telah dipukul.
4. Taburkan kelapa di atasnya dan bakar pada suhu ketuhar 350⁰F selama 10 - 15 minit.

JEJARI PRUNE

(Cara Ramas dan Gaul - *Rubbing-in-Method*)

- 2 oz (60 g) marjerin
- 1 camca teh, esen vanila
- 2 oz (60 g) buah ceri
- 2 oz (60 g) buah badam (dihiris)
- 8 oz (250 g) buah prun (di dalam kotak)
- (3 biji dihiris untuk hiasan)
- 8 oz (250 g) gula hangus
- 3 biji telur
- 1 biji kuning telur
- 8 1/2 (265 g) tepung naik sendiri

1. Minyakkan acuan pembakar yang berbentuk 4 segi
2. Buang biji prun dan hiris atau cincang kasar-kasar. Rendam di dalam 1/4 cawan air panas dan masak. Sejukkan.
3. Gaul marjerin, gula dan tepung di dalam mangkuk pembancuh. Tuang semua telur ke dalam adunan. Gaul rata.
4. Bubuh selapis daripada sebahagian adunan ini ke dalam acuan pembakar. Ratakan.
5. Kemudian bubuh lapisan prun di atasnya.
6. Bubuh pula adunan yang selebihnya sebagai lapisan di atas.
7. Tabur hirisan buah prun, badam dan ceri.
8. Bakar di dalam ketuhar 320⁰F selama 40 - 45 minit.
9. Sejukkan. Potong dan hidangkan.

Dipetik daripada buku *HIDANGAN PERAYAAN* oleh Aizar Jaman.

Selamat Pengantin Baru

JENDELA mengucapkan Selamat Pengantin Baru kepada:

Abd. Rahim Ahmad Ludin & Rashimah Ishak
Bahagian Perkhidmatan Media
14.2.88

Abd. Razak Zainuddin & Ramlah Hamat
Bahagian Perkhidmatan Media
18.2.88

Md. Yusof Mat & Noor Azyian Omar
Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Pengembangan
18.2.88

Kirubananthan Sundaraju & R. Kamakshi
Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Pengembangan
27.3.88

Ahmad Shuhaimi Fadzin & Sarimah Ghadzali
Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Pengembangan
3.4.88

Noris Muniandy & M. Danaletchumi
Bahagian Proses Teknik
10.4.88

Wan Zahari Wan Din & Gulzar Miandad
Bahagian Perubatan
10.4.88

Gopal Kandiah & S. Dewi
Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Pengembangan
16.4.88

Cahaya mata

JENDELA mengucapkan tahniah atas kelahiran cahaya mata kepada:

Faizah Ahmad
Penerbit USM
cahaya mata perempuan - Afifah
2.1.88

Mohaini Ismail
Bahagian Bahan-bahan Bersiri & Dokumen
cahaya mata perempuan - Nurul Nadia
11.3.88

Abdullah Yusof
Bahagian Bahan-bahan Bersiri & Dokumen
cahaya mata perempuan - Norathirah
2.4.88

**Untuk Semua
Muslimin
&
Muslimat**

**SELAMAT HARI RAYA
AIDIL-FITRI
Daripada
Sidang Pengarang
Jendela
Perpustakaan USA**



KEPADA SEMUA
KAKITANGAN ISLAM

SELAMAT HARI RAYA
AIDIL-FITRI



PERPUSTAKAAN



DARIPADA



UNIVERSITI

SAINS

MALAYSIA

LIM HOCK TEE

&

ISTERI



Kepada Semua
Kakitangan

Islam

Perpustakaan

Selamat Hari Raya

Aidil-Fitri

Daripada

Lim Chee Hong







Semua
Kakitangan
Islam
Perpustakaan

Selamat Hari
Raya
Aidil-fitri


daripada
Wong Sook Jean



KEPADA SEMUA
KAKITANGAN
ISLAM
PERPUSTAKAAN



SELAMAT HARI
RAYA
AIDIL-FITRI
DARIPADA
KAKITANGAN
BENGKEL






Kepada Semua
Kakitangan
Islam
Perpustakaan


Selamat Hari Raya
Aidil-Fitri

Daripada
Tang Wan Fong



SELAMAT
HARU
RAYA

DRP
FAWZU
DAWOOD



Semua
Kakitangan
Islam
Perpustakaan

Selamat
Hari Raya
Aidil-fitri

daripada
Yeoh Hoong Kheng




Kepada Semua
Kakitangan
Islam
Perpustakaan

Selamat
Hari Raya
Aidil-Fitri


daripada

Woo Kok Pheng
Guah Kung Hai
Ong Chin Hock



selamat hari raya

aidil-fitri



maaf zahir batin
dari hujung rambut
sampai hujung kakiii...


hee...hee...hee...

daripada: six stooges

Omar, Nor Adzam,

Fekrey, Aziz, Zaki

Zaharah



DODOL TRADISIONAL

Contact: Nor Adzam.

Selamat Hari Raya Aidilfitri
maaf zahir batin serta ingatan mesra
sepanjang masa.

kepada semua
kakitangan beam
khas untuk penghuni


Awomari & P. Teknik

DAN

ISKUWA untuk
ANGEL & AMRAN


ARI
- april '88

kepada semua
kakitangan
islam



perpustakaan
u.s.m.

selamat hari
raya
aidil-fitri



daripada
kakitangan
perpustakaan
cawangan perak

**selamat
hari raya
aidil-fitri**

**daripada
Mohd. Arop
b. Hj. Senawi**

**kepada semua
muslimin muslimat
kakitangan perpustakaan
universiti sains
malaysia**

**maaf zahir
dan batin**



Selamat Hari

Raya Puasa

kepada

semua kakitangan



Perpustakaan

USM

yang beragama

Islam



Selamat Hari

Raya Puasa

daripada



Kiri & Isteri

Selamat Hari Raya Aidilfitri
Maaf Zahir Batin
Daripada Chang Siw Lai dan keluarga

Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri,
maaf zahir batin.
Daripada Mustafa Ismail

Selamat menyambut Aidilfitri 1408 kepada
semua kakitangan Islam Perpustakaan USM
Daripada Yvonne Rasen

شَهْرُ الْإِسْلَامِ
هَذَا شَرِيحُ
عِيدِ الْفِطْرِ

Daripada

Penerbit USM

Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua kakitangan
Perpustakaan USM yang beragama Islam.

- Daripada Salmah Md. Noor

Salam Aidilfitri untuk semua kakitangan Perpustakaan
yang beragama Islam.

- Daripada Angela Yen dan keluarga

Salam Aidilfitri 1408 untuk semua muslim dan muslimat

- Daripada Wong Peng Kit

Selamat Hari Raya Puasa diucapkan kepada semua muslimin dan muslimat

- *Daripada Mat Roni Abd. Rahman*

Selamat Hari Raya Aidilfitri untuk semua kakitangan Perpustakaan USM yang beragama Islam.

- *Daripada Lee Yin Yuen*

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Diucapkan kepada semua kakitangan Perpustakaan (khususnya member-member 'Bar-Code').

- *Daripada A.B. Sidek - 'Bar-Code'*

Selamat Hari Raya Puasa untuk kakitangan Perpustakaan yang beragama Islam
- *Daripada Che Puteh Che Ros*

Ramnah mengucapkan selamat berpuasa dan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri. Sebelum berpisah Ramnah memohon ribuan ampun dan maaf (zahir dan batin) kepada semua kakitangan Perpustakaan terutama yang bertugas bersama dengan Ramnah, jika terdapat salah silap atau terkasar bahasa sepanjang tempoh Ramnah bertugas di sini (Halalkan termakan dan terminum). Ramnah benar-benar terasa akan kehilangan kalian semua. Sayang semua.

- *Daripada Ramnah RR*

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Diucapkan kepada semua kakitangan Perpustakaan USM

Maaf Zahir dan Batin. Sila lah ke rumah....

Daripada Nazia dan Faridah


Selamat Hari Raya Aidilfitri

Kepada semua kakitangan yang beragama Islam di Perpustakaan Utama USM, di Cawangan Ipoh, Perak dan di Kubang Kerian, Kelantan.

- *Daripada T.S. Teh*

Kiru dan isteri mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua sahabat handai yang telah menghadiri majlis perkahwinannya pada 27 Mac 1988 lalu dan kepada semua yang telah memberi sumbangan hadiah. Anda semua di dalam ingatan kami.

Ke Garisan..... Sedia.....



.....Bang

